



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
BILANGAN 2

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

1. **Adakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan beroperasi seperti biasa?**

Selaras dengan Arahan Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, Ibu Pejabat KPLB dan semua Pejabat KPLB Negeri (PKN) ditutup mulai 18 Mac hingga sehingga tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

2. **Adakah Pusat Komuniti Desa (PKD) masih dibuka?**

Operasi Pusat Komuniti Desa (PKD) ditutup kepada orang ramai mulai 18 Mac hingga 14 April 2020. sehingga tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

3. **Adakah pelanggan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) mendapat kemudahan moratorium atau penjadualan semula?**

Pelanggan SPED layak dipertimbangkan untuk kemudahan moratorium. Permohonan hendaklah dikemukakan terus ke Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) atau Small Medium Enterprise Development Bank (SME Bank). Sila hubungi pihak bank berkaitan untuk maklumat lanjut.

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

4. Adakah semua Institusi Pendidikan MARA ditutup?

Ya, semua Institusi Pendidikan MARA (IPMA) meliputi 53 buah MRSM, 13 cawangan Universiti Kuala Lumpur (UniKL), 7 cawangan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM), 231 buah GIATMARA, 10 buah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), 14 buah Institut Kemahiran MARA (IKM), 6 buah Kolej Profesional MARA (KPM), 4 buah Kolej MARA (KM), German-Malaysian Institute (GMI), Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) dan MARA Japan Industrial Institute (MJII) ditutup selaras dengan arahan usaha kerajaan mencegah penularan wabak Covid-19 bermula 18 Mac sehingga tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Para pelajar akan pulang ke asrama atau kolej kediaman setelah tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir.

5. Bilakah sesi pengajian atau kuliah akan bermula?

Sesi pengajian dan kuliah hanya akan bermula selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir atau pada tarikh lain mengikut institusi masing-masing tertakluk kepada arahan kerajaan dari semasa ke semasa. Bagi IPMA yang sedang bercuti semester pada tarikh tersebut, proses Pembelajaran dan Pengajaran (PnP) akan bermula mengikut kalendar akademik masing-masing. Bagi IPMA yang mempunyai infrastruktur lengkap serta kesediaan pensyarah dan pelajar untuk menjalankan sesi pengajian secara maya adalah DIBENARKAN berbuat demikian. Pelajar dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut dari institusi masing-masing.

6. Bagaimana dengan pelajar yang sedang menjalani latihan industri?

Pelajar IPMA yang sedang menjalankan sesi latihan industri adalah tertakluk kepada arahan semasa kerajaan dan syarat serta peraturan pihak syarikat/industri. Latihan industri HANYA DIBENARKAN untuk pelajar yang terlibat dalam perkhidmatan kritikal atau *essential services* sahaja. Pegawai perhubungan industri IPMA diberi kelonggaran untuk membuat pemantauan pelajar yang menjalani Latihan Industri sesi Jan-Jun 2020 melalui panggilan telefon atau *video conference* kepada industri/syarikat sekiranya diperlukan.

7. Siapa yang layak membuat permohonan penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran MARA?

Penerima kemudahan pinjaman pelajaran MARA layak mendapat penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran MARA secara automatik tanpa perlu membuat permohonan dengan syarat tidak mempunyai tunggakan bayaran balik melebihi tiga (3) bulan.

8. Apakah yang perlu dilakukan oleh pelajar tajaan MARA yang baru pulang dari luar negara?

Pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan akan dikuarantinkan selama 14 hari sebagaimana arahan Kementerian Kesihatan Malaysia di tempat yang ditentukan oleh MKN. Bagi tujuan melapor diri, pelajar hanya dibenarkan untuk melakukan demikian selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir dan setelah selesai tempoh kuarantin.

9. Adakah sekatan perjalanan dikenakan kepada pelajar tajaan MARA ke luar negara atau pulang?

Ya, pelajar tajaan MARA TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI untuk ke luar negara sepanjang tempoh sekatan perjalanan. Manakala bagi pelajar yang pulang ke tanah air perlu menjalani kuarantin selama 14 hari sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

10. Adakah latihan keusahawanan akan berjalan seperti yang telah dijadualkan?

Tidak, semua latihan keusahawanan yang telah dijadualkan sepanjang tempoh 18 Mac – 14 April 2020 adalah ditangguhkan hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

11. Adakah tarikh penutupan pembelian dan penyerahan dokumen tender dijadualkan seperti yang diiklankan sebelum ini?

Tempoh pelawaan, taklimat, pembelian dan penyerahan dokumen tender dipinda kepada tarikh yang baharu. Sila rujuk portal rasmi MARA untuk maklumat lanjut.

12. Adakah operasi Pusat Pentadbiran MARA ditutup?

Operasi Pusat Pentadbiran MARA ditutup melibatkan semua pusat pentadbiran seperti Ibu Pejabat MARA, 14 buah Pejabat MARA Negeri, 117 buah Pejabat MARA Daerah serta subsidiari MARA menghentikan perkhidmatan yang melibatkan orang ramai mulai 18 Mac sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir. Orang ramai digalakkan melaksanakan sebarang urusan dengan MARA sama ada pembayaran, permohonan dan sebagainya melalui atas talian dengan melayari Portal MARA di www.mara.gov.my atau menghubungi **MARA Call Center (MCC) di talian 03-26132000**. Orang ramai juga digalakkan untuk mendapatkan maklumat terkini dengan mengikuti saluran media sosial rasmi MARA seperti berikut:

<https://www.facebook.com/MajlisAmanahRakyat>

<https://www.instagram.com/majlisamanahrakyat>

<https://www.twitter.com/maragov>

13. Bagaimanakah urusan bayaran bagi pinjaman pelajaran/ pembiayaan perniagaan/ sewaan premis MARA boleh dibuat?

Semua kaunter bayaran MARA ditutup bermula 18 Mac sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir. Oleh itu sebarang urusan bayaran boleh dibuat melalui beberapa cara iaitu:

- laman web MARAeps <https://bayar.maraeps.my/>
- Google Play dan App Store (kata carian "MARAeps")
- Perbankan internet (Maybank, CIMB, Bank Islam, RHB, I-Rakyat dan AmBank)
- JomPay Biller Code: 7195 (Ref.1: No. Akaun MARA/ Ref 2: No. Kad Pengenalan)

14. Di manakah saya boleh mendapatkan borang permohonan diskaun khas 30% (COVID-19)?

Permohonan secara atas talian boleh dibuat melalui Portal Rasmi MARA (www.mara.gov) di pautan <https://www.mara.gov.my/permohonan-insentif-moratorium-penanggunghan/>

15. Apakah syarat untuk mendapat insentif ini?

Semua usahawan yang menyewa di semua premis MARA dan tunggakan tidak melebihi 2 bulan (setakat 31 Mac 2020).

16. Adakah saya layak untuk memohon sekiranya tunggakan sewa melebihi 2 bulan?

Semua penyewa yang mempunyai tunggakan 2 bulan dan ke bawah adalah layak memohon insentif ini.

17. Sekiranya saya menyewa melebihi 1 lot premis, adakah saya layak untuk memohon insentif untuk setiap lot?

Ya, penyewa layak untuk memohon bagi setiap lot yang disewa.

18. Dimanakah perlu saya mengemukakan borang permohonan yang telah dilengkapkan?

Borang permohonan boleh di e-melkan kepada insentifmara@mara.gov.my atau hantar kepada Pejabat MARA Negeri / Daerah yang berdekatan. Borang permohonan juga boleh diisi online melalui laman web www.mara.gov.my.

19. Apakah perlu saya mengemukakan sebarang lampiran tambahan atau surat rayuan misalnya?

Permohonan tidak memerlukan lampiran tambahan atau surat rayuan.

20. Adakah badan-badan kerajaan, persatuan dan sebagainya yang menyewa di premis MARA boleh membuat permohonan diskaun ini?

Insentif ini hanya layak kepada semua usahawan yang menyewa di premis MARA sahaja.

21. **Sekiranya saya baru mula menyewa dan telah dapat diskaun 30% atau 20%, adakah saya masih lagi layak untuk mendapatkan 30% seperti yang diumumkan?**

Sekiranya tuan telah mendapat diskaun sewa sebanyak 20%, maka tuan layak untuk mendapatkan 10% tambahan. Ini menjadikan jumlah maksima diskaun adalah 30% sebulan untuk tempoh 6 bulan.

22. **Sekiranya terdapat perbezaan tunggakan di lejar manual dan lejar dalam SMBM, yang mana terpakai?**

MARA akan membuat semakan lanjut untuk memastikan jumlah tunggakan sebenar selepas permohonan diterima.

23. **Apakah jenis perniagaan yang tidak layak untuk mendapat diskaun sewa ini?**

Semua penyewa premis MARA yang terjejas layak untuk mendapatkan insentif ini.

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)

24. **Adakah premis Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) KEMAS di seluruh negeri beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tidak. Seluruh Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) KEMAS telah memberhentikan pengoperasiannya bermula 18 Mac sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir.

INSTITUT KEMAJUAN DESA (INFRA)

25. **Adakah Institut Kemajuan Desa (INFRA) akan beroperasi seperti biasa?**

Tidak. INFRA telah menghentikan pengoperasiannya bermula 18 Mac sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir.

26. Adakah apa-apa proses penyahjangkitan COVID-19 dijalankan ke atas premis INFRA di ibu pejabat Bangi atau cawangannya di Sabah dan Sarawak?

Proses Basmi Kuman (disinfeksi) hanya akan dilakukan sekiranya terdapat kes positif COVID-19. Namun memandangkan INFRA cawangan Sarawak dijadikan pusat kuarantin bagi *Person under Investigation* (PUI) Covid 19, maka proses disinfeksi akan dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

27. Adakah latihan dan kursus anjuran INFRA yang dijadualkan akan terus dilaksanakan?

Tidak. Kursus dan Latihan yang dijadualkan dari 18 Mac hingga 14 April 2020 telah ditunda sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan. Sebarang maklumat tentang kursus dan latihan akan diumumkan di laman sesawang dan saluran media sosial INFRA.

28. Adakah kemudahan seperti dewan, gelanggang sukan dan bilik kuliah terbuka untuk penyewaan sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) ini?

Tidak. Sebarang perkhidmatan sewa kemudahan INFRA pada orang awam dihentikan sementara sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

29. Adakah staf INFRA dibenarkan memasuki premis pejabat sepanjang tempoh PKP ini?

Tidak. Kakitangan yang ingin memasuki premis pejabat perlu mendapatkan kebenaran bertulis dari pihak pengurusan INFRA sekiranya terdapat keperluan mendesak.

30. Adakah projek pembinaan naik taraf bangunan asrama tambahan dan kemudahan INFRA diteruskan?

Tidak. Projek pembinaan naik taraf asrama ditangguhkan sepanjang tempoh PKP. Maka tiada kontraktor / pekerja yang dibenarkan memasuki INFRA.

- 31. Adakah invois tuntutan yang dikemukakan pembekal bagi perkhidmatan yang telah disempurnakan akan diproses dalam PKP?**

Invois tuntutan bayaran akan diproses sewajarnya.

- 32. Apakah INFRA Cawangan Sarawak telah dijadikan pusat kuarantin sementara untuk individu yang dikenalpasti sebagai *Person Under Investigation* (PUI) Covid-19?**

Ya. INFRA adalah Pusat Kuarantin Sementara untuk *Person Under Investigation* (PUI) Covid-19 dimana mereka sebelum ini ada *direct contact* dengan pesakit Covid-19. Namun INFRA tidak dijadikan pusat kuarantin untuk individu positif Covid-19. Pelaksanaan pusat kuarantin di INFRA ini selaras dengan pengumuman Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. Adham Baba pada 21 Mac 2020 dan selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Walaupun begitu disebabkan asrama dan fasiliti di ibu pejabat INFRA di Bangi sedang dinaiktaraf, maka hanya INFRA Cawangan Sarawak yang dijadikan pusat kuarantin sementara tersebut. Timbalan Ketua Menteri Sarawak YB Datuk Amar Douglas Ungah Embas bersama Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN) telah melakukan lawatan ke INFRA Cawangan Sarawak pada 19 Mac 2020 untuk melihat kesesuaian INFRA Sarawak sebagai pusat kuarantin.

- 33. Sehingga bilakah INFRA Cawangan Sarawak akan dijadikan Pusat Kuarantin Sementara bagi PUI Covid 19?**

INFRA Cawangan Sarawak akan dijadikan Pusat Kuarantin Sementara bagi PUI dari 22 Mac 2020 sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir namun ia tertakluk kepada keadaan semasa.

- 34. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan peserta kursus dan kakitangan INFRA Cawangan Sarawak yang akan mula bertugas dan memasuki premis INFRA Cawangan Sarawak selepas tempoh PKP berakhir dijamin terhindar dari Covid 19?**

Semasa tempoh Pusat Kuarantin Sementara INFRA Cawangan Sarawak beroperasi, pihak KKM dan PDRM memastikan semua aktiviti dilaksanakan

mengikut prosedur klinikal dan kawalan keselamatan yang ketat. Sepanjang tempoh ini, INFRA Cawangan Sarawak dibahagikan kepada 3 zon utama iaitu Zon Merah (Blok Penginapan yang menempatkan semua PUI), Zon Kuning iaitu di luar blok penginapan yang penempatan kuarantin (hanya petugas PDRM sahaja yang dibenarkan di kawasan ini) dan Zon Hijau (Blok Pentadbiran dan Blok Akademik). Setelah selesai INFRA Cawangan Sarawak digunakan sebagai pusat kuarantin sementara, proses sanitasi dan pembasmian kuman akan dilakukan di setiap fasiliti INFRA Cawangan Sarawak yang terlibat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Semua fasiliti INFRA akan berada dalam keadaan selamat untuk digunakan.

35. Adakah premis yang berhampiran dengan INFRA Cawangan Sarawak menghadapi ancaman bahaya terdedah kepada Covid 19?

Tidak. Hal ini kerana prosedur dan peraturan keselamatan telah dilaksanakan dengan seketatnya sepanjang tempoh INFRA Cawangan Sarawak dijadikan pusat kuarantin sementara.

36. Apakah agensi kerajaan yang terlibat dan fungsinya di Pusat Kuarantin Sementara Covid 19 di INFRA Cawangan Sarawak?

Jawatankuasa Bencana Negeri (JKBN) : Koordinasi Keseluruhan

Polis Diraja Malaysia (PDRM) : Kawalan Pergerakan

RELA/APM : Kawalan Pergerakan

Kementerian Kesihatan Malaysia : Urusan kesihatan, kawalan penyakit dan pelupusan sisa klinikal

Jabatan Kebajikan Masyarakat : Pembekalan Makanan dan Minuman

Majlis Perbandaran : Pengumpulan sisa pepejal domestik dan lain-lain pembersihan

Pejabat Residen : Logistik

KPLB dan INFRA : Menyediakan kemudahan fasiliti dan peralatan serta sokongan lain yang diperlukan

Sebarang kemusykilan orang ramai boleh mendapatkan maklumat terkini dengan melayari Laman Sesawang Institut Kemajuan Desa (INFRA) : www.infra.gov.my.

Orang ramai juga digalakkan untuk mendapatkan maklumat terkini dengan mengikuti saluran media sosial rasmi Institut Kemajuan Desa (INFRA) :

Facebook : INFRA

@institut kemajuan desa

Instagram : infra_gov

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)

37. Adakah Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) akan beroperasi seperti biasa?

Sebagai langkah mengawal penularan wabak COVID – 19 dan selaras dengan Arahan Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac sehingga 14 April 2020. Walaubagaimanapun, terdapat sebilangan pegawai di Bahagian Kewangan KEDA yang akan berada di pejabat bagi menyelesaikan urusan berkaitan kewangan sebelum mereka terus pulang setelah selesai melaksanakan kerja-kerja tersebut. Kakitangan termasuk pegawai kanan dibenarkan untuk bekerja dari rumah. Pengurus Besar atau pegawai yang telah diturunkan kuasa kepadanya boleh mengeluarkan surat kepada kakitangan yang perlu hadir ke Pejabat sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

38. Adakah Ibu Pejabat KEDA dan Pejabat Zon KEDA dibuka kepada orang awam masih boleh dikunjungi?

Ibu Pejabat KEDA dan semua Pejabat Zon KEDA ditutup kepada umum buat sementara waktu mulai 18 Mac 2020 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

39. Apakah program-program KEDA yang melibatkan perhimpunan ramai khususnya penduduk desa-desa KEDA akan diteruskan seperti yang telah dirancang?

Semua program KEDA yang melibatkan perhimpunan ramai ditangguhkan dan sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

40. Bagaimana kedudukan sebutharga yang telah tarikh tutup dalam tempoh PKP?

Tarikh tutup sebutharga telah dilanjutkan satu tempoh akan dimaklumkan dan hebahan telah dibuat melalui platform pelawaan sebutharga tersebut dilakukan.

41. Adakah taklimat sebut harga yang dijadualkan dalam tempoh PKP akan diteruskan?

Tidak. Taklimat tersebut akan dijadualkan semula.

42. Bagaimanakah dengan status tuntutan pembayaran bagi kerja-kerja fizikal dan pembekalan yang telah dikemukakan oleh kontraktor dan pembekal kepada KEDA sebelum atau pada tarikh 17 Mac 2020?

Bayaran tuntutan yang telah dikemukakan kepada KEDA sebelum atau 17 Mac 2020 yang telah lengkap invoisnya akan diuruskan sewajarnya oleh Bahagian Kewangan KEDA bagi memastikan kontraktor dan pembekal tidak akan mengalami kesukaran terutamanya dalam urusan pembayaran gaji pekerja mereka.

43. Apakah tindakan yang diambil bagi membantu usahawan KEDA meneruskan perniagaan mereka sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa?

Bagi memastikan aktiviti perniagaan usahawan KEDA dapat terus berjalan sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa, usahawan KEDA dinasihatkan untuk menggunakan kemudahan perniagaan secara atas talian ataupun menyediakan khidmat penghantaran ke lokasi pembeli dalam radius yang tertentu. Selain itu, KEDA juga turut memberikan pemberian diskaun 30% sewaan selama 6 bulan kepada usahawan yang menyewa di premis milik KEDA tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

44. Bilakah pemberian diskaun 30% sewaan selama 6 bulan ini akan dilaksanakan?

Pemberian diskaun 30% sewaan selama 6 bulan ini akan dilaksanakan bermula daripada tempoh sewaan 1 April 2020.

45. Dimanakah borang permohonan diskaun khas 30% bagi sewaan premis KEDA boleh didapati?

Borang permohonan ini boleh didapati secara atas talian melalui Portal Rasmi KEDA di pautan www.keda.gov.my bermula pada 1 April 2020.

46. Sekiranya penyewa melebihi satu (1) lot premis, adakah layak untuk memohon insentif bagi setiap lot?

Ya, semua penyewa premis KEDA layak untuk memohon bagi setiap lot yang disewa kecuali badan kerajaan, persatuan dan NGO.

47. Siapakah yang layak untuk mendapat diskaun sewa ini?

Pemberian diskaun ini hanya layak dinikmati oleh syarikat yang mempunyai tunggakan bayaran sewa tidak melebihi dua (2) bulan.

Sebarang kemusykilan orang ramai boleh mendapatkan maklumat dengan melayari Laman Sesawang dan saluran media sosial Lembaga Kemajuan Wilayah Keda :

Laman Web : www.keda.gov.my

Facebook : LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDA (KEDA)

Instagram : KEDA_KPLB

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)

48. Adakah PERDA beroperasi seperti biasa?

Sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2019, di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 berhubung penularan wabak COVID-19, PERDA telah menutup sementara operasinya termasuk anak syarikat, PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. mengikut Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac sehingga 14 April 2020. Bagaimana pun sekiranya terdapat sebarang persoalan yang berkaitan dengan

PERDA dalam tempoh ini boleh menghubungi **PERDA Call Center di talian 04-3141100.**

49. Adakah Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) di Nibong Tebal juga ditutup?

Ya, selaras dengan perkara Lima di dalam Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri yang menetapkan penutupan semua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institusi latihan kemahiran di seluruh negara. Para pelajar PERDA-TECH telah diberikan cuti bermula pada 17 Mac 2020 yang lalu. **Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai bertugas di talian 04-5991130.**

50. Bagaimana dengan keadaan gerai, premis perniagaan dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) milik PERDA, adakah semuanya ditutup?

Selaras dengan perkara Pertama dan Keenam di dalam Perintah Kawalan Pergerakan, semua penyewa premis PERDA seperti gerai, kedai pejabat dan IKS bagi kategori non essential services diminta menutup premis perniagaan mereka. Bagi perniagaan runcit dan makanan (serta essential services yang lain) dibenarkan beroperasi. Cuma kepada peniaga makanan mereka hendaklah hanya menjalankan perniagaan secara pembungkusan sahaja (take away).

51. Bagaimana dengan jualan projek perumahan PERDA?

Kepada bakal pembeli yang berminat dan bercadang untuk membeli projek perumahan yang dibangunkan oleh PERDA dan PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. disarankan untuk berhubung langsung secara atas talian kepada pegawai-pegawai di Seksyen Pemasaran Hartanah, Bahagian Hartanah dan Teknikal melalui alamat e-mail pegawai yang terdapat di Laman Web Rasmi PERDA iaitu www.perda.gov.my atau menggunakan aplikasi WhatsApp dan Messenger pada Facebook Rasmi Taman Sungai Bakap Perdana atau Facebook Rasmi PERDA Ventures Incorporated Sdn Bhd.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini juga, rumah contoh/galeri pameran bagi projek perumahan PERDA dan Ventures Incorporated Sdn Bhd. tidak dibuka

untuk dilawati. Pembeli yang berminat boleh melayari Facebook Rasmi kami sebagaimana di atas.

52. Apakah dewan-dewan milik PERDA masih menjalankan aktiviti sosial masyarakat setempat seperti kenduri kendara, mesyuarat komuniti dan sebagainya?

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan, semua dewan-dewan yang diuruskan oleh PERDA dan PERDA Ventures Incorporated Sdn Bhd. telah diarahkan tutup. Tiada sebarang aktiviti sosial dibenarkan.

53. Apakah pemberian insentif yang boleh ditawarkan oleh pihak PERDA kepada usahawan, penyewa-penyewa premis perniagaan, tanah dan rumah PPRT PERDA yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan?

Berdasarkan situasi semasa, yang jelas sekali menuntut keprihatinan PERDA untuk membantu dan menyokong kelestarian dan kelangsungan perniagaan usahawan-usahawan dan penyewa-penyewa gerai/ premis/ tanah/ dan rumah PPRT PERDA, PERDA dengan persetujuan YB Menteri Pembangunan Luar Bandar telah menggariskan beberapa bentuk insentif sokongan kepada golongan ini seperti berikut:

PERTAMA, Moratorium (Penangguhan) Bayaran Balik Pembiayaan Perniagaan PERDA.

Usahawan-usahawan yang menerima kemudahan pembiayaan perniagaan PERDA adalah ditawarkan untuk memohon moratorium bayaran balik pembiayaan ini bagi tempoh enam (6) bulan bermula pada 1 April 2020. Namun kelulusan permohonan moratorium ini adalah tertakluk kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

- I. Usahawan dan perniagaan yang terkesan dengan penularan Covid-19; dan
- II. Tidak mempunyai tunggakan bayaran balik lebih daripada dua (2) bulan.

Penjadualan semula bayaran balik pembiayaan perniagaan akan dilakukan bagi usahawan yang diberikan insentif ini.

KEDUA, Diskaun Penyewaan Premis Perniagaan PERDA.

Usahawan-usahawan yang menyewa premis perniagaan PERDA adalah layak menerima diskaun sebanyak 30% selama enam (6) bulan bermula 1 April 2020, tertakluk kepada kriteria i. dan ii. di perkara PERTAMA.

KETIGA, Diskaun Penyewaan Tanah Milik PERDA.

Semua penyewa tanah milik PERDA adalah layak menerima diskaun sebanyak 30% selama enam (6) bulan bermula 1 April 2020, tertakluk kepada kriteria i. dan ii. di perkara PERTAMA.

KEEMPAT, Pengecualian Sewaan kepada Penyewa Rumah PPRT Tok Alang, Seberang Perai Utara untuk tempoh tiga (3) bulan mulai 1 April 2020.

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)

54. Adakah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) akan beroperasi seperti biasa?

Sebagai langkah mengawal penularan wabak COVID – 19 dan selaras dengan Arahan Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pegawai KESEDAR akan bekerja dari rumah bermula dari 18 Mac 2020 sehingga berakhir PKP. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan pegawai dari semasa ke semasa yang akan berada di pejabat bagi menyelesaikan urusan berkaitan kewangan dan pentadbiran sebelum mereka terus pulang setelah selesai melaksanakan tugas-tugas segera dan penting. Pengurus Besar akan mengeluarkan surat arahan kepada kakitangan yang perlu hadir ke Pejabat sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

55. Adakah Ibu Pejabat KESEDAR dan Pejabat Operasi KESEDAR dibuka kepada orang awam masih boleh dikunjungi?

Ibu Pejabat KESEDAR dan semua Pejabat Operasi KESEDAR ditutup kepada umum buat sementara waktu mulai 18 Mac 2020 sehingga berakhir PKP.

- 56. Apakah program-program KESEDAR yang melibatkan perhimpunan ramai khususnya penduduk desa-desa KESEDAR akan diteruskan seperti yang telah dirancang?**

Semua program KESEDAR yang melibatkan perhimpunan ramai ditangguhkan dan sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

- 57. Bagaimana kedudukan sebutharga yang telah tarikh tutup dalam tempoh PKP?**

Tarikh tutup sebutharga telah dilanjutkan sehingga berakhir PKP dan hebahan telah dibuat melalui platform pelawaan sebutharga tersebut dilakukan.

- 58. Adakah taklimat sebut harga yang dijadualkan dalam tempoh PKP akan diteruskan?**

Tidak. Taklimat tersebut akan dijadualkan semula sehingga berakhir PKP.

- 59. Bagaimanakah dengan status tuntutan pembayaran bagi kerja-kerja fizikal dan pembekalan yang telah dikemukakan oleh kontraktor dan pembekal kepada KESEDAR sebelum atau pada tarikh 17 Mac 2020?**

Bayaran tuntutan yang telah dikemukakan kepada KESEDAR sebelum atau pada 17 Mac 2020 yang telah lengkap invoisnya akan diuruskan sewajarnya bagi memastikan kontraktor dan pembekal tidak akan mengalami kesukaran terutamanya dalam urusan pembayaran gaji pekerja mereka. Tuntutan-tuntutan dalam tempoh PKP juga akan diuruskan sewajarnya sekiranya telah lengkap semua dokumentasi yang diperlukan, pihak yang berkepentingan boleh menghubungi **KESEDAR Call Centre, di talian 09-9132200.**

- 60. Adakah semua premis perniagaan KESEDAR perlu ditutup?**

Ya, melibatkan semua kompleks perniagaan, bazar, arked, kawasan industri dan medan selera KECUALI bagi usahawan yang menjalankan perniagaan yang dibenarkan sahaja seperti pasar raya, pasar awam, kedai runcit, farmasi dan kedai serbaneka yang menjual barang keperluan harian. Kepada peniaga makanan, mereka hanya dibenarkan menjalankan perniagaan secara pembungkusan sahaja.

61. Adakah pemberian insentif KESEDAR kesan dari penularan wabak Covid-19?

KESEDAR menyediakann dua (2) insentif untuk membantu usahawan-usahawan KESEDAR kesan dari penularan wabak Covid-19 iaitu:

- i. Penangguhan bayaran pembayaran balik Skim Pinjaman Ekonomi KESEDAR selama enam (6) bulan.
- ii. Diskaun 30% penyewaan premis-premis perniagaan KESEDAR selama enam (6) bulan.

62. Kerja-kerja kontraktor Dalam pelaksanaan semasa PKP.

a. Adakah terdapat pengecualian terhadap mana-mana industri pembinaan dan penyelenggaraan dari Perintah tersebut?

Ada iaitu bagi kerja-kerja kritikal.

b. Apakah yang dimaksudkan dengan kerja-kerja kritikal?

Kerja-kerja kritikal adalah kerja-kerja yang mana jika sekiranya tidak diteruskan boleh mendatangkan mara bahaya atau kemudaratan kepada pekerja, orang awam atau persekitaran.

c. Apakah contoh kerja-kerja kritikal?

Contoh kerja-kerja kritikal adalah seperti berikut:

- i. Pembaikan Cerun;
- ii. Penampalan Pothol;
- iii. Traffic Management Control (TMC);
- iv. Pemeriksaan berkala lif / travellator / escalator dan lain-lain peralatan mekanikal dan elektrik yang kritikal;
- v. Pembaikan berkala lif / travellator / escalator dan lain-lain peralatan mekanikal dan elektrik yang rosak;
- vi. Kerja-kerja peyelenggaran di premis-premis perkhidmatan kritikal;
- vii. Kerja-kerja naik taraf fasiliti di premis-premis perkhidmatan kritikal;
- viii. Pembaikan traffic light;
- ix. Pembinaan Bailey Bridge di lokasi jambatan roboh;
- x. Kerja-kerja kecemasan yang termaktub dalam perjanjian kontrak; dan

xi. Kerja-kerja lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya.

d. Apakah kontraktor boleh membuat apa-apa tuntutan kepada Kerajaan terhadap kerugian yang dialami akibat dari pelaksanaan Perintah tersebut?

Tidak. Kerajaan tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kerugian kerana penyebaran wabak ini adalah sesuatu di luar kawalan Kerajaan.

e. Adakah projek-projek yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah ini boleh diberi pelanjutan masa?

Ia bergantung kepada klausa kontrak yang telah ditandatangani.

Sebarang kemusykilan orang ramai boleh mendapatkan maklumat dengan melayari Laman Sesawang Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR):

Laman Web : www.kesedar.gov.my

LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)

63. Adakah perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan kebersihan kawasan di perbandaran KETENGAH masih diteruskan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan?

Perkhidmatan ini masih beroperasi mengikut jadual yang ditetapkan dengan langkah-langkah pencegahan.

64. Adakah perkhidmatan kaunter kutipan bayaran masih beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Kaunter bayaran ditutup dan sebarang bayaran ditangguhkan dan boleh dibuat selepas tempoh ini tanpa apa-apa cas.

- 65. Adakah kemudahan awam seperti BALORA, dewan orang ramai dan kompleks sukan masih dibuka untuk sewaan dan penggunaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Kemudahan awam ini ditutup kepada sewaan dan penggunaan orang ramai sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan.

- 66. Adakah kawasan – kawasan pelancongan dalam Wilayah KETENGAH termasuk di Tasik Kenyir masih beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Pengoperasian kawasan-kawasan pelancongan ini ditutup kepada orang ramai sepanjang tempoh ini.

- 67. Adakah kilang – kilang sawit dan kuari di bawah syarikat anak KETENGAH masih beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Kilang – kilang sawit di bawah syarikat anak KETENGAH beroperasi seperti biasa bermula 19 Mac 2020 berdasarkan saranan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komuniti yang melihat industri sawit menyumbang kepada rangkaian bekalan berkaitan penyediaan perkhidmatan perlu seperti pembekalan minyak masak dan pembekalan peralatan perubatan seperti sarung tangan (gloves) dan kateter (catheter). Sementara kuari ditutup sepanjang tempoh ini.

- 68. Adakah Pusat Penerangan Kenyir (PPK) di Pengkalan Gawi ditutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Pusat Penerangan Kenyir (PPK) ditutup kepada orang ramai. Walaubagaimanapun perkhidmatan Khidmat Pelanggan masih beroperasi secara talian dengan menghubungi di talian **09 - 6664111**.

- 69. Adakah pengoperasian Kelab Golf Bukit Besi (KGBB) beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Pengoperasian Kelab Golf Bukit Besi ditutup sepanjang tempoh ini.

- 70. Adakah program – program kemasyarakatan yang telah dirancang untuk dilaksanakan oleh KETENGAH dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan masih diteruskan?**

Program – program ini ditangguhkan pelaksanaannya sepanjang tempoh ini.

- 71. Adakah projek – projek pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh KETENGAH masih berjalan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Projek – projek ini ditangguhkan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ini.

- 72. Saya telah membuat tempahan dan bayaran tiket ke Santuari Kelah, Tasik Kenyir dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Adakah saya boleh membuat tuntutan semula bayaran tersebut?**

Boleh. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh menghubungi pegawai bertanggungjawab di talian **019-2227572**.

- 73. Adakah perkhidmatan pelancongan di Tasik Kenyir seperti House Boat dan bot laju beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Perkhidmatan ini tidak beroperasi sepanjang tempoh ini.

- 74. Adakah aktiviti Pasar Malam atau Pasar Tani di kawasan wilayah KETENGAH beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Aktiviti ini tidak beroperasi sepanjang tempoh ini.

- 75. Saya merupakan penyewa premis perniagaan di bawah KETENGAH yang menjalankan perniagaan kedai makan. Adakah saya boleh menjalankan operasi seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Boleh. Tetapi hanya melibatkan jualan secara pembungkusan (take away) dan penghantaran (COD) sahaja.

76. Saya merupakan penduduk di perbandaran KETENGAH. Sekiranya berlaku kebocoran sistem kumbahan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, bolehkah saya mendapatkan perkhidmatan pembaikan daripada KETENGAH?

Boleh. Perkhidmatan ini masih beroperasi seperti biasa dan sebarang aduan boleh dikemukakan secara atas talian melalui emel ketengah@ketengah.gov.my atau menghubungi pegawai bertanggungjawab ditalian **019-9133401**.

77. Adakah KETENGAH menyediakan diskaun khas bagi sewaan premis perniagaan KETENGAH akibat penularan wabak Covid -19?

Ya, KETENGAH menyediakan diskaun khas sebanyak 30% bagi sewaan bulanan premis perniagaan selama enam (6) bulan bermula 1 April 2020 tertakluk kepada syarat berikut:

- i. Usahawan dan peniaga yang terkesan dengan penularan wabak Covid-19; dan
- ii. Tidak mempunyai tunggakan bayaran sewa lebih daripada dua (2) bulan.

78. Siapakah yang layak mendapat diskaun khas 30% bagi sewaan premis KETENGAH ini?

Usahawan dan peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan penting (Essential) di premis-premis perniagaan KETENGAH dan masih dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac hingga 14 April 2020 (tertakluk kepada perubahan tempoh PKP dari semasa ke semasa) layak mendapat insentif diskaun khas ini.

79. Dimanakah borang permohonan diskaun khas 30% bagi sewaan premis KETENGAH boleh didapati?

Permohonan ini boleh dibuat secara atas talian (on-line) melalui Portal Rasmi KETENGAH di pautan <http://www.ketengah.gov.my> mulai 15 April 2020.

- 80. Adakah KETENGAH menyediakan pengecualian bayaran bagi sewaan Premis Perniagaan KETENGAH dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak Covid-19?**

Ya, KETENGAH menyediakan pengecualian bayaran sewaan premis perniagaan KETENGAH dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac hingga 14 April 2020 (tertakluk kepada perubahan tempoh PKP dari semasa ke semasa).

- 81. Siapakah yang layak mendapat pengecualian bayaran bagi sewaan Premis Perniagaan KETENGAH dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak Covid-19 ini?**

Usahawan dan peniaga yang menyewa premis perniagaan KETENGAH dan menjalankan perniagaan bukan penting (non-essential) yang tidak dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) layak mendapat pengecualian bayaran ini KECUALI Badan-badan Kerajaan, persatuan dan sebagainya adalah TIDAK LAYAK.

- 82. Dimanakah borang permohonan penangguhan bayaran bagi sewaan Premis Perniagaan KETENGAH boleh didapati?**

Permohonan ini boleh dibuat secara atas talian (on-line) melalui Portal Rasmi KETENGAH di pautan <http://www.ketengah.gov.my> mulai 15 April 2020.

- 83. Adakah KETENGAH menyediakan insentif penangguhan bayaran sewa / sewa beli rumah kediaman KETENGAH akibat penularan wabak Covid-19?**

Ya, KETENGAH menyediakan insentif penangguhan bayaran sewa / sewa beli rumah kediaman KETENGAH selama tiga (3) bulan bermula April hingga Jun 2020 secara automatik. Penangguhan ini akan melibatkan penjadualan semula Jadual Pembayaran Sewa / Sewa Beli sedia ada.

84. Siapakah yang layak mendapat insentif penangguhan bayaran sewa / sewa beli rumah kediaman KETENGAH ini?

Semua penyewa dan pembeli rumah kediaman KETENGAH yang menandatangani Dokumen Perjanjian yang sah dan masih dalam tempoh penyewaan atau sewa beli.

85. Dimanakah borang permohonan penangguhan bayaran bagi sewa / sewa beli rumah kediaman KETENGAH ini?

Penangguhan bayaran ini adalah secara automatik. Penyewa dan pembeli rumah kediaman tidak perlu memohon untuk insentif penangguhan bayaran ini.

Bagi mendapatkan informasi terkini sila layari www.ketengah.gov.my atau hubungi KETENGAH Call Center di talian **09-8231000**.

LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA)

86. Adakah Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) akan beroperasi seperti biasa?

TIDAK. Sebagai langkah mengawal penularan wabak COVID – 19 dan selaras dengan Arahan Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pegawai KEJORA akan bekerja dari rumah bermula dari 18 Mac sehingga 14 April 2020. Walaubagaimanapun, terdapat 2 orang pegawai yang akan berada di pejabat pada satu-satu masa bagi menyelesaikan urusan yang kritikal sebelum mereka terus pulang setelah selesai melaksanakan kerja-kerja tersebut. Kakitangan termasuk pegawai kanan dibenarkan untuk bekerja dari rumah. Pengurus Besar atau pegawai yang telah diturunkan kuasa kepadanya boleh mengeluarkan surat kepada kakitangan yang perlu hadir ke Pejabat sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

87. Apakah program-program KEJORA yang melibatkan perhimpunan, kursus dan program akan diteruskan seperti yang telah dirancang?

Semua program KEJORA yang melibatkan perhimpunan, kursus dan program ditangguhkan dan sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

88. Adakah perkhidmatan sewaan fasiliti kejora seperti penggunaan stadium, dewan, gelanggang badminton boleh digunakan?

TIDAK. Segala premis dan fasiliti KEJORA adalah DITUTUP sebagaimana arahan kerajaan bermula 18 Mac sehingga 14 April 2020. Segala tempahan tidak akan diproses dalam tempoh tersebut.

89. Bagaimana pula permohonan sewaan fasiliti sebelum ini yang telah dibuat tempahan dan pembayaran kepada KEJORA

Permohonan sewaan yang dibuat dalam tempoh perintah kawalan pergerakan mulai 18 Mac sehingga 14 April 2020 yang telah diluluskan dan dibayar kepada KEJORA boleh dibuat tuntutan semula wang yang telah dibayar dengan mengemukakan resit bayaran atau memaklumkan kepada unit pengurusan fasiliti bagi satu tarikh baharu.

90. Adakah pihak KEJORA terus mengenakan caj sewaan ke atas premis-premis di bawah seliaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 dan adakah sebarang pengecualian bayaran akan diberikan?

Sepanjang tempoh PKP dikenakan pihak kejora akan menangguhkan semua bayaran sewaan melibatkan premis perniagaan termasuk gerai jualan Dan iks utk tempoh 3 bulan bermula Mac sehingga Mei.

91. Adakah pihak KEJORA akan meneruskan pelaksanaan latihan keusahawanan yang telah dirancang dan bagaimana dengan peserta yang terlibat?

TIDAK. Semua latihan keusahawan yang telah dirancang ditunda kepada satu ketetapan tarikh baru yang akan dimaklumkan kemudian dan senarai peserta yang telah terpilih menyertai latihan berkaitan akan dikekalkan.

92. Apakah pilihan kepada usahawan bimbingan KEJORA untuk meneruskan perusahaan mereka?

Para usahawan boleh menggunakan kaedah perniagaan dalam talian atau on-line marketing untuk memasarkan produk mereka dengan menggunakan perkhidmatan penghantaran yang terdapat di pasaran. Selain itu, usahawan juga digalakkan untuk meningkatkan aktiviti promosi dan pemasaran melalui platform e-dagang seperti Desa Mall Online.

93. Adakah KEJORA membatalkan sebarang penyertaan dalam program-program promosi/ ekspo yang telah ditetapkan sebelum ini?

Ya. KEJORA tidak akan menyertai atau menghantar usahawan bimbingan ke mana-mana program promosi/ ekspo selaras dengan arahan Kerajaan Malaysia berhubung pembatalan semua acara/ program promosi yang melibatkan perhimpunan ramai di tempat terbuka yang boleh mengundang kepada penyebaran wabak.

94. Adakah operasi kutipan sewaan/tunggakan di kawasan Perumahan Tersusun KEJORA (rumah-rumah kampung) dijalankan sepanjang tempoh ini?

Operasi kutipan secara fizikal tidak dijalankan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, walaubagaimanapun pembayaran di atas talian (online / EFT) masih boleh dilaksanakan.

95. Adakah pelawaan permohonan tanah-tanah pertanian / akuakultur akan diiklankan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Pelawaan permohonan tanah-tanah pertanian tidak diiklankan dalam tempoh tersebut dan selepas dari tempoh tersebut, ianya juga adalah tertakluk kepada kekosongan kawasan pertanian yang hendak diiklankan.

96. Adakah proses permohonan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) Wilayah KEJORA diteruskan sepanjang tempoh Perintah Larangan Pergerakan?

Proses permohonan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) DITANGGUHKAN sepanjang tempoh Perintah Larangan Pergerakan tersebut.

97. Adakah tempat-tempat tarikan pengunjung seperti pantai awam dan Muzium Nelayan yang terdapat di dalam wilayah KEJORA beroperasi dan dibuka kepada orang awam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

TIDAK. Semua tempat-tempat tarikan pengunjung yang terdapat di dalam wilayah KEJORA telah ditutup kepada umum bermula 18 Mac sehingga 14 April 2020.

98. Adakah apa-apa proses penyahjangkitan COVID-19 dijalankan ke atas bangunan dan premis-premis di bawah jagaan KEJORA?

Proses Basmi Kuman (Disinfeksi) akan dilaksanakan pada 14 April selepas mendapat kelulusan daripada Pejabat Kesihatan Daerah.

99. Adakah pihak KEJORA akan mengenakan caj sewaan / pajakan ke atas premis-premis, perniagaan pelancongan (resort / chalet / hotel) dan pertanian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan COVID -19 dan adakah sebarang pengecualian bayaran akan diberikan?

Pihak KEJORA akan menangguhkan caj sewaan / pajakan ke atas premis-premis perniagaan pelancongan (resort / chalet / hotel) dan pertanian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan COVID -19 tetapi ada tempoh penangguhan bayaran yang akan dimaklumkan kemudian.

100. Apakah pilihan yang ada kepada pelanggan-pelanggan yang berurusan dengan KEJORA sekiranya terdapat pertanyaan dan kemusykilan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa?

Pelanggan boleh memajukan sebarang pertanyaan dan kemusykilan ke kejora@kejora.gov.my dan boleh melayari Laman Sesawang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara www.kejora.gov.my.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
1 APRIL 2020**